

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Pengenalan	1
Latarbelakang	1 - 2
Objektif	2
Kadar Bantuan Kewangan dan Kos Yang Dibenarkan	2
Syarat-syarat Kelayakan Untuk Majikan-majikan	3 - 4
Bidang Kemahiran	4 - 8
Kaedah Latihan	8 - 11
Prosedur Permohonan	11 - 12
Kos Latihan dan Dokumen Sokongan Bagi Skim SBL	13 - 18
Carta Alir Permohonan Geran Latihan	19
Proses Kerja Permohonan Geran Latihan	20 - 21
Tuntutan Geran Latihan	22 - 23
Carta Alir Tuntutan Geran Latihan	24 - 25
Proses Kerja Tuntutan Geran Latihan	26 - 28

PENGENALAN

Buku panduan ini bertujuan memberi penjelasan kepada majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad mengenai proses kerja dan prosedur yang betul untuk mengemukakan permohonan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL). PSMB berharap dengan buku panduan ini, majikan-majikan akan dapat gambaran yang jelas berhubung proses kerja dan prosedur permohonan geran latihan seterusnya membantu majikan mengemukakan permohonan dengan betul dan memudahkan pemrosesan kelulusan Geran Latihan sejajar dengan piagam pelanggan yang ditetapkan.

LATARBELAKANG

Skim Bantuan Latihan (Skim SBL), merupakan skim utama Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Di bawah skim ini, bantuan kewangan dalam bentuk geran latihan boleh dipertimbangkan bagi semua jenis program latihan yang bersesuaian dengan keperluan majikan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Majikan-majikan adalah bebas mengemukakan cadangan latihan mereka untuk mendapat kelulusan daripada PSMB.

Operasi Skim SBL adalah berpandukan kepada prinsip-prinsip asas seperti berikut:-

- (i) PSMB memberi geran latihan khusus sebagai insentif untuk majikan-majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka. **Geran latihan yang diberi bukanlah merupakan subsidi untuk latihan;**

- (ii) Geran latihan di bawah KWPSM hanya diberikan bagi latihan berasaskan keperluan majikan untuk memastikan akauntabiliti di tempat kerja. Di bawah Skim SBL, majikan mestilah mengenalpasti latihan yang diperlukan bagi meningkatkan keupayaan pekerja-pekerja mereka dan bertanggungjawab membiayai sepenuhnya program latihan; dan
- (iii) Di bawah Skim SBL kelulusan daripada PSMB mestilah diperolehi terlebih dahulu sebelum latihan dijalankan. Pembayaran balik kos latihan yang dibenarkan adalah berasaskan kadar bantuan kewangan yang ditentukan oleh PSMB dari semasa ke semasa dan pembayarannya adalah berasaskan TUNTUTAN MAJIKAN.

OBJEKTIF

Objektif skim ini adalah untuk menggalakan majikan-majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka.

KADAR BANTUAN KEWANGAN DAN KOS YANG DIBENARKAN

Kadar bantuan kewangan dan kos yang dibenarkan seperti yang ditetapkan oleh PSMB adalah sebagaimana dalam GARIS PANDUAN AM.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MAJIKAN-MAJIKAN

Semua majikan yang berdaftar dengan PSMB dan telah membayar levi Pembangunan Sumber Manusia untuk bulan pertama pendaftaran adalah layak memohon geran latihan, tertakluk kepada kadar bantuan kewangan serta terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh PSMB dari semasa ke semasa.

Untuk layak mendapat geran latihan di bawah Skim SBL, majikan-majikan juga mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- (1) Program latihan mestilah mempunyai struktur tertentu dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-
 - Objektif latihan yang khusus seperti kemahiran yang hendak ditingkatkan dan pengetahuan yang hendak diperluaskan hendaklah dinyatakan secara khusus;
 - Mempunyai suatu program aktiviti latihan atau rancangan pembelajaran;
 - Mempunyai jangkamasa latihan yang khusus;
 - Latihan yang dikendalikan oleh pengajar yang berkelayakan; dan
 - Mempunyai ujian untuk menilai pencapaian objektif latihan.

Lawatan sambil belajar dan latihan fizikal semata (out-door training) bukanlah program latihan dan ianya tidak layak untuk mendapat geran latihan. Walau bagaimanapun, program seminar dan persidangan boleh dipertimbangkan tertakluk

kepada kadar bantuan kewangan serta terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh PSMB.

- (2) Semua perbelanjaan yang dilakukan untuk membiayai program-program latihan mestilah ditanggung oleh majikan dan bukan oleh pelatih-pelatih. Majikan-majikan adalah merupakan pihak terbaik untuk mengenalpasti bidang latihan yang diperlukan dan melaksanakan program-program latihan bagi membangunkan kemahiran selaras dengan keperluan syarikat mereka;
- (3) Pelatih-pelatih mesti menyempurnakan program/kursus dengan kehadiran sekurang-kurangnya 75% bagi setiap modul dan menduduki semua peperiksaan jika diwajibkan. Pembayaran geran hanya akan dibuat apabila kedua-dua syarat tersebut dipenuhi. Syarat-syarat tersebut adalah terpakai bagi kedua-dua program dalaman dan luaran;
- (4) Program latihan yang memenuhi jumlah jam latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) jam adalah layak untuk mendapatkan geran latihan penuh daripada PSMB. Program latihan yang dijalankan sekurangnya empat (4) jam hanya layak diluluskan separuh daripada kelayakan penuh bagi permohonan tersebut; dan
- (5) Permohonan mestilah dikemukakan secara *online* melalui laman web PSMB di www.hrdf.com.my.

BIDANG KEMAHIRAN

Bagi mempergiatkan aktiviti latihan semula kepada pekerja supaya dapat memenuhi keperluan negara bagi kemahiran yang lebih tinggi di semua peringkat tenaga kerja, latihan dan latihan semula di bawah KWPSM. hendaklah sejajar dengan keperluan dan perubahan ekonomi. Buat permulaan, bidang kemahiran seperti berikut adalah layak untuk mendapat bantuan kewangan:-

(a) **Kemahiran Yang Berkaitan Dengan Komputer**

Komputerisasi dan penggunaan Teknologi Maklumat adalah kunci kepada peningkatan produktiviti, kebolehpercayaan dan peningkatan kualiti keluaran yang akan menentukan daya saing keluaran barangan Malaysia di pasaran dalam negeri dan luar negeri. Oleh yang demikian, penekanan hendaklah lebih ke arah mengkomputerisasikan semua operasi serta mempercepatkan automasi proses pengeluaran dengan penerimaan dan penggunaan teknologi baru, akan menyebabkan permintaan yang sangat mendesak untuk melatih dan melengkapkan pekerja-pekerja dengan kemahiran komputer.

(b) **Kemahiran Kraf**

Penawaran kemahiran kraf yang mencukupi adalah penting untuk menyokong pertumbuhan sektor perkilangan. Kemahiran-kemahiran seperti pembuat alat/acuan, kimpalan, jurugegas elektrik, pemesin dan mekanik adalah sangat diperlukan. Pembangunan kemahiran melalui program perantisan yang bersistematik, latihan sambil kerja yang berstruktur dan latihan di dalam institusi-institusi latihan boleh dipertimbangkan untuk mendapat geran latihan di bawah KWPSM.

(c) **Kemahiran Teknikal**

Pembangunan kemahiran teknikal khusus untuk operasi sesebuah syarikat akan disokong oleh KWPSM. Kemahiran teknikal seperti penyelenggaraan jentera, kejuruteraan perkilangan, pneumatik, hidraulik, mikro pemprosesan, elektronik perindustrian, pengawal logik aturcara dan merekabentuk suatu sistem teknikal terlanggan yang tinggi akan membolehkan syarikat-syarikat mencapai satu tahap kualiti dan profesionalisme yang tinggi. Syarikat-syarikat yang merancang secara

sistematik untuk menyediakan keperluan asas (kemahiran teori dan praktikal) melalui program latihan di luar waktu bekerja bagi mempercepatkan proses pembelajaran semasa bekerja atau latihan di institusi-institusi oleh penyedia-penyedia latihan, geran latihan akan diberikan di bawah KWPSM.

(d) **Latihan Pengurusan/Pentadbiran/Penyeliaan**

Untuk keberkesanan pengurusan syarikat-syarikat, pembangunan yang sistematik dalam kemahiran pengurusan dan penyeliaan adalah sangat penting. Syarikat-syarikat seharusnya mengatur dan merancang proses pembangunan pembelajaran dan pengalaman yang perlu untuk pengurus-pengurus. Program-program latihan ini termasuklah kemahiran pemasaran, kemahiran kewangan seperti analisis kredit, perakaunan dan penentuan kos, pengurusan bahan-bahan perusahaan, pengurusan dan perancangan perniagaan, pengurusan perusahaan, kepimpinan dan organisasi pekerjaan serta kemahiran penyeliaan mestilah komprehensif, praktikal dan mestilah berorientasikan kemahiran untuk memastikan ianya boleh digunakan dalam pekerjaan.

(e) **Latihan Kemahiran Khusus**

Dengan kepesatan dalam pengenalan dan penggunaan teknik-teknik yang khusus serta peningkatan permintaan yang berterusan untuk kreativiti, inovasi dan pembangunan, industri mnyebabkan keperluan kepada pekerja ikhtisas yang lebih terlatih. Untuk memenuhi keperluan ini, latihan semula untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional-profesional adalah begitu penting. Oleh yang demikian, latihan dalam bidang-bidang yang khusus akan dipertimbangkan untuk mendapat bantuan kewangan di bawah KWPSM.

(f) **Kemahiran Penyelidikan Dan Pembangunan**

Untuk membolehkan syarikat-syarikat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, program-program bagi membangunkan kakitangan/pekerja mereka bagi merekabentuk keluaran dan menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan boleh mendapat geran latihan.

(g) **Program Peningkatan Produktiviti Dan Kualiti Bagi Seluruh Syarikat**

Untuk memastikan mutu dan daya saing barang keluaran Malaysia di pasaran tempatan dan dunia, adalah penting bagi syarikat-syarikat untuk mencapai peningkatan kecekapan dan mutu operasi mereka. KWPSM akan menyokong program-program latihan seumpama ini bagi melengkapkan semua peringkat tenaga kerja dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan program peningkatan produktiviti dan kualiti bagi seluruh syarikat. Bidang-bidang yang perlu diberi penekanan adalah seperti pengukuran dan analisis produktiviti, pengawalan mutu keseluruhan/mutu peningkatan keluaran dan pengurusan jaminan kualiti. Latihan mengenai penggunaan 'alat-alat statistik' untuk memastikan dan meningkatkan mutu dan kebolehpercayaan keluaran serta teknik-teknik penyelesaian masalah juga boleh dipertimbangkan.

(h) **Pembelajaran Asas Untuk Latihan Kemahiran**

Untuk memastikan peluang-peluang latihan bagi semua peringkat tenaga kerja, program pembelajaran asas seharusnya diberi kepada mereka yang tidak mempunyai kebolehan yang cukup dalam kemahiran komunikasi dan matematik, yang merupakan satu keperluan mustahak untuk peningkatan kemahiran selanjutnya. Kemahiran ini juga layak mendapat geran latihan. Untuk memastikan keberkesanan kos dan penggunaan sumber-sumber

secara maksimum, syarikat-syarikat adalah digalakkan menjalankan program latihan secara berkumpulan melalui persatuan perdagangan/industri, institusi-institusi latihan ataupun sekolah-sekolah. Yuran yang dikenakan oleh persatuan-persatuan perdagangan/industri latihan berkenaan boleh dituntut daripada KWPSM tertakluk kepada kadar bantuan kewangan serta terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh PSMB.

KAEDAH LATIHAN

Memandangkan Skim SBL merupakan mekanisme utama bagi pembiayaan latihan di bawah KWPSM, ia sudah tentu akan dapat menawarkan skim latihan yang komprehensif kepada majikan-majikan untuk mempergiatkan aktiviti latihan sejajar dengan keperluan korporat mereka. Bersesuaian dengan falsafah ini, Skim SBL membenarkan beberapa kaedah latihan seperti berikut:-

(a) **Latihan Dalaman**

Latihan sebelum bekerja yang disediakan oleh institusi-institusi latihan pada amnya adalah umum dan tidak begitu sesuai dengan keperluan dunia pekerjaan. Oleh itu, majikan-majikan akan mendapati bahawa mereka perlu melatih semula dan melengkapkan pekerja-pekerja dengan kemahiran-kemahiran khusus yang diperlukan oleh syarikat mereka. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran pekerja-pekerja adalah juga perlu selaras dengan pembangunan teknologi dan keluaran yang berlaku di perusahaan-perusahaan. Begitu juga latihan semula dan peningkatan kemahiran adalah diperlukan untuk memudahkan peningkatan mutu keluaran yang tinggi, peningkatan produktiviti, keberkesanan penggunaan kelengkapan dan peralatan dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan organisasi ke arah mencapai objektif dan matlamat korporat dengan

lebih berkesan. Dengan demikian, majikan-majikan perlu membangunkan program-program latihan dalaman mereka sendiri yang bukan sahaja akan menghasilkan suatu tenaga kerja yang lebih terlatih, produktif, keberkesanan organisasi dan mempercepatkan peningkatan teknologi.

Latihan berasaskan perusahaan boleh juga disediakan di tempat kerja untuk membolehkan pekerja-pekerja membangun dan meningkatkan kemahiran mereka dengan menggunakan alat kelengkapan dan kemudahan pengeluaran di bawah panduan dan penyeliaan seseorang penyelia yang terlatih. Latihan sambil bekerja boleh juga dibangunkan sebagai tambahan latihan amali kepada teori yang diperolehi di tempat lain seperti yang diamalkan dalam skim perantisan. Latihan berasaskan perusahaan boleh juga disediakan di luar tempat kerja di mana-mana pusat latihan dalaman boleh diwujudkan dengan menyediakan bilik-bilik latihan yang lengkap dan menggunakan jurulatih-jurulatih sendiri. Dalam keadaan di mana benar-benar diperlukan, jurulatih-jurulatih luar boleh juga diambil untuk mengendalikan kursus-kursus yang dirancang untuk mencapai keperluan perusahaan berkenaan.

(b) **Latihan Umum/Luaran (Bukan PROLUS)**

KWPSM akan mewujudkan peluang-peluang baru bagi penyedia-penyedia latihan tidak kira sama ada institusi-institusi latihan awam/swasta, firma-firma perunding, pusat-pusat latihan yang diuruskan oleh industri, dewan-dewan perdagangan dan perindustrian serta persatuan-persatuan industri untuk menyumbang ke arah pembangunan kemahiran yang lebih responsif dan relevan kepada keperluan majikan dalam konteks menggerakkan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Penyedia-penyedia latihan termasuk politeknik-politeknik dan juga universiti-universiti boleh menyumbang untuk memperkenalkan program-program latihan yang sesuai bagi latihan semula dan peningkatan

kemahiran dalam keadaan teknologi dan pasaran yang berubah-ubah.

Sungguhpun program latihan boleh ditawarkan semasa waktu bekerja untuk majikan yang boleh melepaskan pekerja-pekerja mereka, adalah mustahak bagi penyedia-penyedia latihan menawarkan program pada waktu petang dan hujung minggu untuk sebahagian besar majikan yang tidak dapat melepaskan pekerja-pekerja mereka. Pendekatan seperti ini juga akan membolehkan penggunaan optimum kemudahan latihan sedia ada di institusi-institusi latihan. Dengan demikian, adalah menjadi tanggungjawab majikan-majikan dan penyedia-penyedia latihan untuk bekerjasama rapat sementara PSMB akan menggalak dan memudahkan kerjasama tersebut.

(c) **Latihan Bersama (Industri Yang Serupa)**

Perusahaan-perusahaan besar yang mempunyai kelebihan keupayaan latihan boleh menawarkan tempat latihan kepada pekerja-pekerja perusahaan kecil. Walau bagaimanapun, latihan yang ditawarkan mestilah berkaitan kepada keperluan mereka. Latihan-latihan seperti ini dapat memberi faedah kepada perusahaan-perusahaan kecil yang tidak mempunyai kepakaran dan sumber-sumber untuk membangun dan menjalankan program latihan mereka sendiri. Latihan-latihan sedemikian adalah amat berfaedah kepada perusahaan-perusahaan kecil yang membuat kerja subkontrak untuk perusahaan-perusahaan antarabangsa.

(d) **Latihan Luar Negeri**

Latihan untuk peningkatan kemahiran seharusnya diadakan di dalam negeri kerana kos pembiayaan latihan di luar negeri adalah tinggi dan terhad bilangannya. Hanya program-program yang tidak dapat dikendalikan di dalam negeri, tetapi didapati amat perlu, permintaan bagi latihan

di luar negeri boleh dipertimbangkan mengikut keperluan sesuatu kes.

(e) **Latihan *E-Learning* dan Jarak Jauh**

Bagi membolehkan latihan dijalankan dimana-mana dan bila-bila masa sahaja, PSMB telah meluluskan program latihan secara e-learning dan latihan secara jarak jauh. Ini membolehkan majikan memilih proram yang bersesuaian dengan keperluan pekerja di mana program boleh diambil daripada penyedia latihan yang menawarkan program *e-learning* samada daripada kalangan Institut Pengajian Tinggi Awam/ Swasta ataupun Penyedia Latihan luar negara.

(f) **Latihan Secara *Job Coach***

Bagi pekerja yang kurang upaya dimana modul latihan adalah berbeza dengan pekerja normal yang lain, program latihan berbentuk *job coach* juga boleh dianjurkan kepada pekerja yang kurang upaya.

PROSEDUR PERMOHONAN

Memandangkan majikan-majikan perlu mendapat kelulusan Urusetia PSMB terlebih dahulu di bawah Skim SBL, permohonan untuk mendapatkan geran latihan mestilah dibuat dengan menggunakan borang **PSMB/PGL/1/09** yang boleh dibuat melalui laman web di www.hrdf.com.my. Majikan perlu menggunakan kata laluan yang disediakan untuk menggunakan sistem permohonan ini. Kata laluan perlu dipohon secara rasmi bagi majikan yang tiada maklumat tersebut. Setiap permohonan geran latihan mestilah mengikut garis panduan dan syarat-syarat seperti berikut:-

- Permohonan hendaklah dihantar dua (2) minggu atau sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum program latihan bermula.. Ini memandangkan jumlah permohonan yang banyak diterima daripada majikan-majikan yang berdaftar dengan PSMB;
- Dokumen sokongan yang lengkap seperti objektif dan kandungan kursus, jadual harian latihan, sebutharga yuran daripada pengajar luar termasuk pengajar luar negeri, biodata pengajar, senarai bahan latihan guna habis dan harga seunit sekiranya amaun yang dipohon melebihi RM100, sebutharga pengangkutan dan sebutharga pakej sewa hotel/tempat latihan bagi tempoh sesuatu program mestilah dikemukakan dalam bentuk lampiran bagi menyokong permohonan. Walau bagaimanapun, PSMB berhak meminta dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan atau program tersebut jika maklumat yang dikemukakan tidak mencukupi mengenai sesuatu permohonan; dan
- Syarikat-syarikat boleh menghubungi pegawai-pegawai PSMB untuk mendapat apa-apa maklumat yang diperlukan mengenai program latihan sebelum membuat permohonan.

Bil.	Kaedah Latihan	Kos Latihan Yang Dibenarkan	Dokumen Sokongan
		<ul style="list-style-type: none"> • Kos pengangkutan sekiranya latihan dijalankan di luar premis majikan. • Elaun Harian Pelatih bagi pengajar dan pelatih dari cawangan • Bahan guna habis. • Tambang kapal terbang (kelas ekonomi) bagi pelatih/pengajar dari cawangan/ibu pejabat, jika berkenaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebutharga dari syarikat pengangkutan • Senarai nama pelatih/pengajar dari cawangan, bilangan dan jawatan pelatih, nama pejabat cawangan dan jarak pejabat cawangan ke tempat latihan. • Senarai bahan latihan guna habis dan harga seunit sekiranya amaun yang dipohon melebihi RM100.00


Bil.	Kaedah Latihan	Kos Latihan Yang Dibenarkan	Dokumen Sokongan
2.	Latihan Dalaman – Pengajar Luar	<ul style="list-style-type: none"> • Kos latihan pengajar (yuran latihan sehari adalah tertakluk kepada had maksimum RM3,500.00) • Elaun Makan RM20.00 sehari seorang pelatih, jika latihan dijalankan di premis majikan dan jumlah jam latihan tidak kurang dari 7 jam sehari. atau • Pakej sewa hotel atau sewa tempat latihan jika latihan dijalankan di luar premis majikan. • Kos pengangkutan sekiranya latihan dijalankan di luar premis majikan. • Elaun Harian Pelatih dari cawangan. • Kelayakan adalah separuh jika latihan minima hanya 4 jam sehari. 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif/ kandungan kursus / jadual latihan harian. • Biodata pengajar • Sebutharga yuran latihan dari penyedia latihan • Sebutharga pakej sewa hotel atau sewa tempat latihan. • Sebutharga dari syarikat pengangkutan • Senarai nama pelatih/pengajar dari cawangan, bilangan dan jawatan pelatih, nama pejabat cawangan dan jarak pejabat cawangan ke tempat latihan.

Bil.	Kaedah Latihan	Kos Latihan Yang Dibenarkan	Dokumen Sokongan
		<ul style="list-style-type: none"> • Bahan latihan guna habis • Tambang kapal terbang (kelas ekonomi) bagi pelatih, jika berkenaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai bahan latihan guna habis dan harga seunit sekiranya amaun yang dipohon melebihi RM100.00
3.	Latihan Dalaman – Pengajar Luar Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Kos latihan pengajar/ yuran latihan • Elaun Makan RM20.00 sehari seorang pelatih jika latihan dijalankan di premis majikan dan jumlah jam latihan tidak kurang dari 7 jam sehari. <li style="text-align: center;">atau • Pakej sewa hotel atau sewa tempat latihan jika latihan dijalankan di luar premis majikan. • Kos pengangkutan sekiranya latihan dijalankan di luar premis majikan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif/ kandungan kursus / jadual latihan harian • Biodata pengajar • Sebutharga yuran latihan dari penyedia latihan. • Sebutharga pakej sewa hotel atau sewa tempat latihan. • Sebutharga daripada syarikat pengangkutan.

Bil.	Kaedah Latihan	Kos Latihan Yang Dibenarkan	Dokumen Sokongan
		<ul style="list-style-type: none"> • Elaun Harian Pelatih dari cawangan. • Elaun Harian Pengajar luar negeri RM400.00 sehari seorang. • Bahan guna habis. • Tambang kapal terbang (kelas ekonomi) bagi pelatih, jika berkenaan. • Tambang kapal terbang (kelas ekonomi) bagi pengajar luar negeri, jika berkenaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai nama pelatih dari cawangan, bilangan dan jawatan pelatih, nama pejabat cawangan dan jarak pejabat cawangan ketempat latihan. • Senarai bahan latihan guna habis dan harga seunit sekiranya amaun yang dipohon melebihi RM100.00 • Surat pengesahan bahawa pengajar datang dari luar negeri khusus bagi mengadakan latihan yang dipohon oleh majikan dan bagi tempoh yang dinyatakan.

Bil.	Kaedah Latihan	Kos Latihan Yang Dibenarkan	Dokumen Sokongan
4.	Latihan Luaran – Latihan yang ditawarkan oleh mana-mana penyedia latihan	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran latihan. • Elaun Harian Pelatih RM100.00 (< 50 km) / RM250.00 (> 50 km) sehari seorang. • Tambang kapal terbang pelatih (kelas ekonomi), jika berkenaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif/kandungan kursus/jadual latihan harian. • Biodata pengajar. • Sebutharga yuran latihan dari penyedia latihan.
5.	Latihan Luar Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Kursus. • Elaun Harian Pelatih Maksimum RM800.00 sehari seorang. • Tambang kapal terbang pelatih (kelas ekonomi), jika berkenaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif/kandungan kursus/jadual latihan harian. • Biodata pengajar. • Sebutharga yuran latihan dari penyedia latihan.

**CARTA ALIR KERJA BAGI PERMOHONAN GERAN LATIHAN
DI BAWAH SKIM BANTUAN LATIHAN (SBL)**



**PROSES KERJA BAGI PERMOHONAN GERAN LATIHAN DI
BAWAH SKIM BANTUAN LATIHAN (SBL)**

Langkah	Proses Kerja
<p align="center">1</p> <p align="center">1a</p>	<p>Menerima dan mengecop Tarikh Penerimaan Borang Permohonan Geran Latihan di Kaunter (rayuan majikan secara manual).</p> <p>Jika terima permohonan SBL melalui on-line, teruskan ke Langkah 3.</p>
<p align="center">2</p>	<p>Merekod permohonan mengikut kod majikan di dalam sistem pengkalan data komputer berdasarkan tarikh penerimaan. Menyemak penerimaan borang melalui faks terutama permohonan yang lewat.</p>
<p align="center">3</p>	<p>Menyemak sama ada permohonan memenuhi kriteria dan borang permohonan lengkap yang disertakan dengan dokumen sokongan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Objektif, Kandungan Kursus, Jadual Kursus; (b) Biodata Pengajar; (c) Sebutharga Yuran (d) Sebutharga Pakej Sewa Hotel/Sewa Tempat Latihan; (e) Sebutharga Penyewaan Pengangkutan; dan (f) Senarai Bahan Latihan Guna Habis dan kos.

4	Permohonan yang memenuhi syarat-syarat dan lengkap. Terus ke Langkah 5.
4a	Permohonan yang tidak lengkap akan dikuiiri dan permohonan dikembalikan kepada majikan untuk dilengkapkan.
4b	Permohonan yang tidak memenuhi kriteria akan ditolak dan surat akan dikeluarkan kepada majikan dengan penjelasan sewajarnya. Permohonan yang ditolak adalah bagi program seperti latihan fizikal dan lawatan serta permohonan dikemukakan setelah latihan dijalankan.
5	Meluluskan permohonan geran latihan yang kurang daripada RM50,000.00. Terus ke Langkah 7.
5a	Memperakukan permohonan yang melebihi RM50,000.00 kepada Pengurus Geran Latihan / Pengurus Besar Besar Geran Latihan / Timbalan Ketua Eksekutif / Ketua Eksekutif.
6	Penukaran Status Perakuan ke Lulus/Tolak/Pulang Dalam Pengkalan Data komputer berasaskan kepada keputusan Pengurus Geran Latihan / Pengurus Besar Geran Latihan / Timbalan Ketua Eksekutif / Ketua Eksekutif.
7	Surat kelulusan dikeluarkan dan dihantar kepada majikan melalui pos
7a	Surat kelulusan akan dihantar melalui e-mel

TUNTUTAN GERAN LATIHAN

Tuntutan geran latihan akan dibayar atas berasaskan tuntutan setelah program latihan berkenaan disempurnakan. Tuntutan-tuntutan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang PSMB/T/1/09 yang boleh diperolehi daripada Urusetia PSMB atau melalui laman web PSMB. **Bagi mengelakkan sebarang kelewatan dalam memproses tuntutan, majikan-majikan hendaklah memastikan borang tersebut adalah lengkap dan betul.** Resit-resit yang berkaitan mestilah juga disertakan. Semua salinan resit atau dokumen sokongan mestilah disahkan oleh majikan.

Borang tuntutan perlu ditandatangani oleh seorang pegawai yang diberi kuasa oleh pengurusan syarikat atau mana-mana pegawai berjawatan seperti yang tertera pada borang tuntutan. Tuntutan hendaklah dikemukakan sebaik sahaja latihan tamat dan segala kos telah pun dibayar. **Program yang tidak sempat dituntut dalam tahun semasa, ia hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 30 Jun tahun berikutnya.**

Sesuatu tuntutan akan disemak berasaskan yuran kursus, kos-kos yang dibenarkan, bilangan pelatih dan jangkamasa kursus seperti yang telah diluluskan. **Bayaran bantuan kewangan akan dikurangkan sekiranya berlaku pengurangan yuran kursus, jangkamasa kursus dan bilangan pelatih pada hari latihan sebenar.**

Tuntutan hendaklah dibuat setelah program latihan tamat sepenuhnya. Walau bagaimanapun, tuntutan boleh dibuat setelah tamatnya sesuatu modul atau kumpulan, sekiranya mendapat kelulusan.

Bayaran tidak akan dibuat sekiranya pelatih-pelatih tidak mengikuti program latihan dengan sepenuhnya. **Seseorang pelatih adalah dianggap sebagai telah menyempurnakan program latihan tersebut jika dia telah mengikut sekurang-**

kurangnya 75% daripadanya dan menduduki kesemua peperiksaan/ujian, jika diperlukan.


Untuk makluman majikan, tuntutan bagi **semua kos-kos latihan yang diluluskan** untuk sesuatu program latihan hanya boleh dibuat **sekali sahaja**. Sebarang tuntutan berikutnya bagi program yang telah dibayar oleh Perbadanan tidak akan dipertimbangkan sama sekali (kecuali bagi program yang diberi kelulusan mengikut modul atau kumpulan). Sebagai contoh, jika seseorang majikan mendapat kelulusan untuk tiga kos latihan (Contoh : Yuran Kursus, Elaun Harian Pelatih dan Bahan Guna Habis) tetapi telah mengemukakan tuntutan untuk dua kos latihan sahaja (Contoh : Yuran Kursus dan Elaun Harian Pelatih), maka setelah tuntutan tersebut dibayar, majikan tidak dibenarkan lagi mengemukakan tuntutan untuk kos latihan yang ketiga (iaitu Bahan Guna Habis).


Sekiranya pelatih-pelatih dikehendaki membayar perbelanjaan latihan, geran latihan yang telah diberikan kepada majikan hendaklah dibayar balik kepada PSMB.

Sepertimana yang termaktub di bawah Seksyen 20 (5) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001, mana-mana majikan yang layak menerima bantuan kewangan yang diberikan di bawah Akta tersebut, akan hilang kelayakannya untuk menerima bantuan kewangan jika dia ingkar membuat apa-apa pembayaran levi dan kehilangan kelayakan itu hendaklah kekal sehingga kesemua pembayaran levi dan faedah telah dibayar sepenuhnya.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

CARTA ALIR TUNTUTAN GERAN LATIHAN OLEH MAJIKAN





**PROSES KERJA PERMOHONAN TUNTUTAN GERAN
LATIHAN OLEH MAJIKAN**

Langkah	Proses Kerja
1	Menerima dan mengecop tarikh penerimaan borang tuntutan
2	Merekod data penerimaan tuntutan seperti tarikh terima, kod majikan, kod bahagian, kod borang dan tajuk kursus. Tuntutan kemudiannya akan diagihkan kepada kakitangan bertanggungjawab untuk memproses tuntutan mengikut kod majikan yang ditetapkan.
3	Menyemak dan memproses tuntutan dari majikan. Tuntutan disemak sama ada memenuhi syarat-syarat tuntutan atau tidak. Proses pengiraan serta penyelarasan levi akan dibuat serentak dengan proses semakan tuntutan
4 4a	Tuntutan lengkap atau tidak. Sekiranya tidak lengkap atau tidak layak dibayar, Urusetia akan mengembalikan tuntutan bersama surat kuir atau tolak kepada majikan. Tuntutan yang dikuir hendaklah dijawab dalam tempoh 30 hari.

<p>4b</p>	<p>Tuntutan majikan yang lengkap tetapi mempunyai tunggakan levi atau faedah; setelah diluluskan pengiraan bayaran, penyelarasan levi secara offset akan dibuat terlebih dahulu sebelum diperakukan untuk kelulusan selanjutnya.</p> <p>Tuntutan yang lengkap dan tiada tunggakan levi atau faedah akan terus diperakukan untuk kelulusan pegawai setelah pengiraan dan penyelarasan levi dibuat.</p>
<p>5</p>	<p>Pegawai bertanggungjawab akan memeriksa pengiraan bayaran bagi setiap tuntutan yang diproses dan penyelarasan levi yang dibuat. Mereka sama ada meluluskan atau membuat pindaan ke atas pengiraan tuntutan sebelum dikemukakan untuk penyediaan baucar bayaran.</p>
<p>6</p>	<p>Baucar bayaran akan disediakan oleh Unit Akaun PSMB berasaskan pengiraan/perakuan bayaran yang telah diluluskan.</p> <p>Bagi pembayaran melalui E-disbursement, jumlah perakuan bayaran akan disemak sebelum diuploadkan ke sistem pembayaran melalui portal Public Bank.</p>
<p>7</p>	<p>Baucar bayaran berjumlah kurang dari RM10,000.00 akan diperiksa dan diluluskan oleh seorang Pegawai Kewangan, sementara bagi amaun berjumlah RM10,000.00 ke atas, memerlukan kelulusan dari 2 orang Pegawai</p>

	<p>Kewangan.</p> <p>Bagi pembayaran E-disbursement arahan bayaran dikeluarkan untuk mengkreditkan bayaran ke akaun majikan melalui Portal Public Bank.</p>
8	<p>Cek bayaran akan disediakan oleh Unit Akaun PSMB berasaskan baucar bayaran yang telah diluluskan.</p>
9	<p>Cek bayaran atau penyata kredit (E-disbursement) akan diposkan kepada majikan beserta lampiran pengiraan/perakuan bayaran untuk rujukan.</p>